

**BIASISWA SKIM PELAJAR CEMERLANG YAYASAN TERENGGANU 2024  
BAGI PELAJAR LEPASAN SPM 2023**

**PROGRAM** : **BIASISWA SKIM PELAJAR CEMERLANG**  
**PUSAT PENGAJIAN** : **PENGAJIAN IPTA DALAM NEGARA**

**i. Peringkat Asasi/Diploma (Pelbagai Bidang)**

**Syarat Kelayakan :**

- ✓ Lulus SPM tahun semasa dengan memperolehi **Gred A** (A+,A atau A-) sekurang-kurangnya **dalam 8 mata pelajaran** termasuk **Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah dan Matematik** di peringkat Peperiksaan SPM.
- ✓ Telah mendapat tawaran di Pusat Pengajian Persediaan (Asasi/Tamhidi) atau Diploma di Universiti Awam (UA) dalam negara.
- ✓ Penawaran biasiswa ke peringkat **Ijazah Pertama** tertakluk kepada :
  - Memperolehi keputusan Peperiksaan Cemerlang Peringkat Persediaan (Asasi/Tamhidi) dengan pencapaian sekurang-kurangnya CGPA 3.75 atau setaraf, dan
  - Memperolehi tawaran kemasukan/mendapat tempat di Universiti Awam (UA) dan keutamaan dalam bidang-bidang pengajian Iktisas dan Kritikal.

**PERMOHONAN**

**Permohonan perlu dikemukakan secara atas talian (on-line) bermula 10 Julai 2024 hingga 20 Julai 2024 (12.00 tengahari) menerusi [ytpenajaan.terengganu.gov.my](http://ytpenajaan.terengganu.gov.my)**

Borang permohonan mesti dilengkapi dengan memuatnaik (upload) semua dokumen yang diperlukan.

**UJIAN BERTULIS & TEMUDUGA**

Hanya calon-calon yang layak disenarai pendek akan dipanggil menduduki Ujian Bertulis & Temuduga yang dikendalikan oleh Yayasan Terengganu.

**KEPUTUSAN TAWARAN**

Penawaran biasiswa/pinjaman kepada pemohon yang berjaya akan dipertimbangkan **berdasarkan kouta, merit, temuduga dan kelulusan** Mesyuarat Jawatankuasa Tajaan & Transformasi Pendidikan dan Pembangunan Pendidikan Yayasan Terengganu.